

22/09/1997

Soros tidak yakin cadangan Malaysia

HONG KONG, Ahad - Spekulator kewangan Amerika Syarikat, George Soros, hari ini berkata beliau tidak yakin kerajaan Malaysia akan melaksanakan cadangan mengharamkan urusan mata wang.

"Saya tidak yakin kerajaan Malaysia akan melaksanakan dasar ini. Ia hanya satu kenyataan yang gah yang tidak seharusnya diberi perhatian serius," Soros memberitahu satu seminar Bank Dunia di sini.

Menurutnya, cadangan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu akan membawa akibat yang buruk.

Beliau menyifatkan cadangan yang dibuat Dr Mahathir semalam itu sebagai mencampuri urusan tukar-menukar modal dan ini adalah 'rencah-rencah kehancuran'.

Pada masa yang sama Soros melancarkan serangan balas terhadap Dr Mahathir yang dalam beberapa minggu lalu menuduhnya sebagai seorang spekulator penyangak yang bertanggungjawab bagi kejatuhan nilai mata wang negara-negara Asia Tenggara, terutama Baht Thailand dan Ringgit Malaysia.

Tokoh kewangan kelahiran Hungary itu yang menguasai dana pelaburan bernilai beratus bilion dolar juga menafikan sekerasnya dakwaan Dr Mahathir itu.

(END)